

## FIGURA

Chamil Wariya

### DUNIA PENULISAN SKRIP

# Siti Jasmina Ibrahim

**Apabila seorang pelakon dinobatkan sebagai aktor atau aktris terbaik dan diberikan peluang untuk menzahirkan penghargaan, mereka lazimnya akan merakamkan terima kasih kepada keluarga, penerbit dan pengarah filem atau drama yang dilaksanakan oleh mereka.**

**N**ama penulis skrip jarang-jarang disebut walhal skrip merupakan bahan mentah dan nyawa yang diperlukan untuk menghasilkan drama, filem panjang atau pendek atau komersial, telemovie, mahupun dokumentari.

Tanpa skrip tidak ada produk bernama drama atau filem untuk diketengahkan kepada khalayak. Lebih malang lagi apabila ada gedung penerbitan terlupa untuk memberikan kredit nama penulis skrip dalam sebarang produk yang dihasilkan. Oleh sebab itu, penulis skrip ada kalanya merasakan mereka semacam kelompok yang dilupakan atau dipinggirkan dalam penghasilan sesebuah karya.

Menyedari hakikat itu, dengan restu Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) maka Persatuan Tinta Karya Malaysia (Tinta Karya) dilahirkan tidak sampai setahun lalu dengan tujuan untuk memartabatkan kerjaya penulis skrip di negara ini sebagai golongan profesional yang wajar diberi pengiktirafan selayaknya. Selari dengan hasrat itu, Tinta Karya telah menganjurkan Bengkel Skrin 1.0 pada 29 November hingga 4 Disember 2024 bertempat di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur.

Sebagai ahli Tinta Karya, saya berasa teruja untuk menyertai bengkel tersebut apabila mengetahui seorang daripada tenaga pengajar yang ditampilkan ialah Puan Siti Jasmina Ibrahim, seorang penulis skrip terbilang tanah air. Dalam kalangan para penulis skrip itu sendiri, wanita berusia 48 tahun ini diberi gelaran sifu.

Beliau merupakan seorang daripada penulis skrip yang paling prolifik dan produktif di negara ini, iaitu menceburi bidang ini sejak pada tahun 1997. Percaya atau tidak, selepas 28 tahun menceburkan diri dalam bidang tersebut, beliau telah menghasilkan karya lebih daripada 200 skrip drama, filem dan telemovie dan lebih daripada 20 skrip persembahan teater. Hal ini bermakna secara purata beliau menghasilkan lapan skrip setahun.

Prestasi beliau sebagai penulis skrip pada tahap tinggi itu tidak tidaklah menghairankan, bahkan membayangkan etos beliau sebagai seorang karyawan berilmu dan berimajinasi kreatif luar biasa serta berpengalaman. Penulis skrip sehebat Siti Jasmina dan beberapa orang yang lain memang senantiasa menjadi rebutan pelbagai gedung produksi karya kreatif di negara ini.

Perjalanan seni Siti Jasmina pada mulanya sebagai penulis cerpen pendek (cerpen), sajak dan novel bermula pada tahun 1997 tidak lama selepas beliau menamatkan pengajian di Akademi Seni Kebangsaan (ASK) yang kemudian dijenamakan sebagai Akademi Seni, Budaya dan Warisan Malaysia (ASWARA).

Beliau bukan sahaja aktif menggarap novel, cerpen dan sajak malah turut menyertai pelbagai pertandingan hadiah sastra yang dianjurkan pada ketika itu. Antar termasuklah Hadiah Sastra Utus yang dianjurkan oleh EXXON Mobil dan Public Bank dan pelbagai sayembara sastra anjuran DBP.

Boleh dikatakan hampir setengah tahun karya beliau dihantar untuk menyertai pelbagai sayembara cerpen dan novel dan telah berjaya memenangi hadiah utama. Namanya beliau mula mendapat perhatian kerana memenangi kebanyakan pertandingan dan membuktikan bahawa karya yang dihasilkannya bermutu tinggi. Kejayaan itu turut membuka pintu kepadanya untuk melebarkan sayap seni kreatifnya ke dunia penulisan skrip apabila penerbit drama TV menghubunginya beliau bertanyakan sama ada beliau berminat untuk menulis skrip drama untuk TV atau tidak.

Yang menariknya, Siti Jasmina tidak menolak pelawaan menulis skrip drama seperti yang dimintanya.



Siti Jasmina sewaktu membimbing 40 orang peserta Bengkel Penulisan Skrin 1.0 pada 29 Disember hingga 4 Disember 2024 di DBP FINAS dan Tinta Karya.

penerbit. Satu demi satu skrip akan sehingga Siti Jasmina lebih mudi sebagai penulis skrip drama teater, berbanding dengan lain penulisan seperti cerpen dan laksa. Tetapi, tentulah namanya sebagai penulis skrip yang datang oleh peminat baharu dalam bidang tersebut tidak dibina dengan sekejap mata. Perjalanan itu mengambil masa. Apakah rahsia atau kejayaannya? Satu daripadanya adalah tiasa berpegang teguh dengan nasihat gurunya dalam penulisan skrip pada zaman awal beliau menjadi penulis. Itu itu tidak lain tidak lain ialah Sasterawan Negara, Dato' Syed Hamid Ahmad pernah menjadi ahli akademik di Universiti Sains Malaysia (USM), dan Pinang dan seorang novelis terkenal tanah air. Dato' Shahnnon mengingatkan Siti Jasmina dan penulis lain bahawa untuk "menjadi sasterawan kreatif yang baik seseorang hendaklah memanfaatkan pengalaman, ilmu dan imaginasi yang ada dalam dirinya." Formula Dato' Shahnnon itu yang diterangkan lebih lanjut kepada kumpulan 40 orang peserta Bengkel Penulisan Skrin 1.0 anjuran Tinta Karya selama enam hari pada 29 Disember hingga 4 Disember 2024. Menurut Siti Jasmina, turut ditampilkan sebagai penceramah ialah mantan

seorang penerbit drama televisyen Malaysia, Zainal Abidin Asri, penulis skrip Rozie Rashid, Suzana Zailly Zain, Shaza Talib. Turut berkongsi pengalaman perjalanan seni sebagai penulis skrip dan penerbit drama dan filem ialah Datuk Habsah Hassan.

Siti Jasmina memberitahu kepada peserta: "Setiap perkara yang kita lalui adalah pengalaman. Apabila pengalaman diadunkan dengan ilmu yang boleh kita pelajari, maka seseorang boleh menghasilkan penulisan yang baik. Namun begitu, menggunakan pengalaman sahaja tidak cukup kerana pengalaman hanya memberikan emosi dalam cerita. Dialog yang kita hasilkan sekadar untuk meluahkan. Apabila pengalaman disatukan dengan ilmu, skrip mampu memberikan perspektif lain dalam penceritaan dan sesuai untuk penulisan dokumentari".

"Tetapi yang membezakan penulisan kreatif untuk drama atau filem adalah imaginasi. Bayangkan sekiranya seorang penulis skrip mempunyai tiga kualiti yang diingatkan oleh Dato' Shahnnon, iaitu pengalaman, ilmu dan imaginasi, maka terhasillah sebuah karya kreatif bermutu tinggi untuk dijadikan drama, filem atau telemovie."

Menjadi penulis profesional sepenuh masa juga menjadi kunci kepada keupayaan Siti Jasmina untuk membina tapak teguh dalam bidang penulisan skrip. Hal ini dikatakan demikian kerana bagi beliau, "jika kita bekerja sepenuh masa dan menjadi penulis skrip secara sambilan, kita tidak dapat berkarya secara optimum. Kita terikat dengan tugas hakiki dan rasmi. Kita tidak bebas untuk berkarya pada bila-bila masa kita suka."

Bagi Siti Jasmina yang juga lulus ijazah kelas pertama bidang komunikasi di Universiti Putra Malaysia (UPM), menjadi penulis skrip yang baik bukan sekadar menggarap skrip dan menyerahkan kepada pihak penerbitan untuk proses seterusnya. Beliau memberitahu kepada peserta Bengkel Skrin 1.0 bahawa "untuk menentukan kekuatan idea sesebuah skrip berupaya diterjemahkan


dengan baik menjadi produk drama, filem atau telemovie, seorang penulis skrip mesti sanggup menyunting dan menulis semula skrip supaya mesej yang ingin disampaikan tidak hilang dalam proses penerbitan apabila diperlukan."

Beliau mahu penulis skrip menghasilkan karya mengenai isu dan topik yang "kita tahu, bukan kerana orang suruh. Sebagai penulis skrip, kita mesti tahu perkara yang kita tulis dan bertanggungjawab terhadap apa-apa yang kita tulis. Percayalah, sekiranya penulis skrip arif isu yang mereka garap, dan berjaya membina dan mengembangkan watak dan perwatakan utama dan sampingan, mereka tidak akan pernah berhadapan dengan *writers's block*, iaitu kebuntuan idea untuk menulis."

Beliau juga berpesan supaya penulis skrip sentiasa mencari isu atau topik baharu untuk dihidangkan kepada khalayak. Kalau mauduk yang ingin diperkatakan ada kaitan dengan sesuatu yang sudah diketahui, menurut beliau: "carilah sudut baharu topik berkenaan. Usahakan kelainan supaya cerita yang ditampilkan tidak dianggap basi." Bagi beliau, "sebagai penulis skrip, kerja kita untuk mencipta ketegangan dan konflik menerusi watak yang mewujudkan dalam cerita bukannya memberikan penyelesaian secara segera." Menurut beliau lagi, cerita yang bagus mesti mempunyai plot yang kuat dan watak yang berkesan dari segi fisiologi, psikologi dan sosiologi.

Contoh drama TV yang membawa kelainan yang pernah ditulis oleh Siti Jasmina ialah *Seligar* yang ditayangkan sempena Hari Raya Aidilfitri di TV1, RTM pada tahun 2011. Telemovie yang diterbitkan oleh Zainal Abidin Asri mempunyai keunikan tersendiri kerana cerita yang dipaparkan bukan berkisah kepada kemeriahan rumah terbuka seperti lazimnya, tetapi rumah tertutup sebuah keluarga di sebuah kampung yang tidak pernah merayakan Hari Lebaran.

*Seligar* yang bermaksud selubung membongkar rahsia seorang nenek yang dilakukan oleh Fauziah Ahmad



Penulis bergambar kenangan dengan Siti Jasmina.

Daud dan cucunya (Ungku Ismail Aziz) yang tertutup hati mereka untuk mengerjakan ibadat berpuasa dan seterusnya meraikan Aidilfitri kerana neneknya "hilang kepercayaan" terhadap pegangan agama kerana peristiwa tertentu yang pernah dialaminya. Walau bagaimanapun, pengakhirannya setelah Insaf, mereka kembali ke pangkal jalan.

Selain itu, bersuamikan seorang lelaki yang mempunyai minat yang sama dalam bidang seni turut merangsang kreativiti Siti Jasmina sebagai penulis skrip. Lelaki yang dimaksudkan itu ialah Khir Rahman atau nama sebenarnya Khairulizam Abdul Rahman yang merupakan seorang pelakon, pengarah, pemuzik, komposer, penulis dan pengacara program TV yang terkenal.

Saya juga bertanya kepada beliau, apakah karya kegemarannya? Jawabnya, drama *Rekah* dan skrip teater muzikal bangsawan, iaitu *Dendam Laksamana* yang mengisahkan sejarah Sultan Mahmud mangkat dijulung yang dipentaskan pada tahun 2019.

Sebagai penulis skrip, Siti Jasmina bukan sahaja menghasilkan karya asli menggunakan imajinasinya sendiri, tetapi penulisan skrip yang diadaptasi daripada novel atau buku sejarah seperti dalam teater *Dendam Laksamana* atau *Sulalatus Salatin Kemaharajaan Maritim Selat Melaka*. Bagi beliau, proses kreatif adaptasi sesebuah karya itu memerlukan disiplin ilmu yang tersendiri kerana kerja adaptasi sama ada teks asalnya

novel, cerpen atau buku sejarah tidak boleh dilakukan secara semberono atau salin tempal.

Menggunakan *Sulalatus Salatin* misalnya, Siti Jasmina memberitahu: "Karya itu merupakan naskhah agung Tun Sri Lanang yang tidaklah seratus peratus fakta, tetapi agungnya naskhah itu kerana Tun Sri Lanang menulis dalam bentuk penceritaan yang merangkumi nilai fiksiyen dan fakta penting terutamanya nama sultan yang memerintah dan anggaran zaman mereka. Ada ratusan cerita ranting yang membawa cerita tunjangnya dengan kemaharajaan Melayu. Bagi pementasan ini, saya diberi masa 100-120 minit pementasan dan fokusnya kepada kemaharajaan kesultanan Melaka dari permulaan sehingga detik kejatuhan pada tahun 1511. Cabaran besar adalah dalam jarak masa tersebut, ada puluhan cerita ranting yang tidak kurang penting bagi mengangkat cita kesultanan juga."

Oleh itu, bagi beliau dalam proses adaptasi itu, "saya harus memilih kisah penting pada zaman setiap sultan dan kisah yang memberikan kias dan perlambangan niat utama skrip ini ditulis. Skrip ini ditulis untuk memberikan peringatan kepada generasi pada masa ini, dahulunya kita bangsa yang bijak dan kuat, pemerintah yang mempunyai sistem tersusun apabila datangnya agama Islam."

"Cerita Melaka ini juga memberikan pesan walaupun hujung kisah empayar itu jatuh dan semua menyalahkan sultan, namun

hakikatnya pemerintahan itu cermin kepada rakyatnya dan rakyat itu cermin kepada pemerintahnya. Andai korupnya seorang pemerintah dengan sikap yang tidak baik, bermakna kita sebagai rakyat juga sama. Sama-sama saling salah dan tidak boleh hanya menyalahkan satu pihak sahaja. Pada zaman itu, masih ada generasi muda yang sedar, yang ingat dan kuat Melayu dan Islam mereka. Maka itulah, yang saya bawa penceritaan ini sehingga ke hujungnya."

Walaupun sudah menghampiri usia 30 tahun bergelar penulis skrip, Siti Jasmina yang semasa menuntut di MARA Education Foundation College, Bangi bercita-cita menjadi peguam belum ada petanda untuk bersara. Cintanya kepada bidang penulisan skrip kekal membara. Malah mengikut maklumat yang dipaparkan dalam Facebooknya, bagi tahun 2005, Siti Jasmina dan Khir Rahman akan terlibat dengan beberapa projek penerbitan drama dan teater untuk pelbagai pihak termasuklah di stesen TV awam dan swasta. Khabarnya teater muzikal *Sulalatus Salatin Kemaharajaan Maritim Selat Melaka* akan dipentaskan di Kuala Lumpur pula. Tentunya tahun 2025 menjadi tahun ke-29 yang sibu bagi Siti Jasmina Ibrahim sebagai penulis skrip. ●

Datuk Dr. Chamil Wariya, Pengarah VOA Media Network, Penyedia Kandungan Faktual dan Latihan Media.



Antara tenaga pengajar Bengkel Penulisan Skrin 1.0. (Dari kiri: Rozie, Shaza, penulis, Zainal Asri, Siti Jasmina dan Suzana).